



---

***HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA (1876): PEMBENIHAN DARIPADA  
PERTEMBUNGAN TIMUR-BARAT***

***HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA (1876): THE GENESIS FROM THE EAST-WEST  
ENCOUNTER***

**Mohamad Saleh Rahamad<sup>1</sup>  
Universiti Malaya**

**saleeh@um.edu.my.**

**Pendahuluan**

*Hikayat Panglima Nikosa* (HPN) merupakan buah tangan pengarang Melayu di Sarawak pada abad ke-19 dan dianggap sebagai novel Melayu pertama di dunia. Pengangkatan taraf karya sastera moden ini tidak lain daripada cetusan daripada semangat patriotik dan nasionalisme bagi mengabsahkan kepengarangan Melayu dalam tempoh yang seawal mungkin. Semakin awal persuratan Melayu lahir, bermakna semakin awallah peradaban moden Melayu diabsahkan. Itulah sebabnya pengiktirafan ini penting dalam pensejarahan sesebuah negara atau tamadun.

Daripada cetusan ini, banyak persoalan boleh dan telah dihuraikan secara struktural mahupun kontekstual oleh beberapa orang peneliti. Antara peneliti yang telah membincangkan teks ini ialah R.H.W. Reece dan P.L. Thomas (1983), Awang Azman Awang Pawi (2010), dan Hamzah Hamdani (2018). Bagi menghormati penemuan dan tanggapan peneliti terdahulu, makalah ini tidak akan mengulang-ulang perkara atau perspektif yang sama tetapi akan membahaskan *HPN* dari sudut keberadaannya dalam lingkungan zaman atau *milieu* kelahirannya, iaitu era penguasaan Inggeris di Borneo serta pengaruhnya dalam teks tersebut.

Walaupun *HPN* yang terhasil pada tahun 1876 (abad ke-19) dianggap sebagai novel Melayu terawal di dunia, abad ke-19 bukanlah zaman awal kelahiran karya bercorak realisme. Pada abad ke-18 sudah muncul persuratan bercorak realisme yang tergolong dalam kesusasteraan pascakolonial. Hal ini demikian kerana tradisi persuratan moden daripada Barat telah mengalir kepada pengarang Melayu, terutama yang hidup dalam lingkungan orang Inggeris. Untuk lebih jelas, perlu dilihat perkembangan persuratan bercorak realisme di

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial., Universiti Malaya

Tanah Melayu hasil daripada pertembungan antara kuasa Barat dengan peribumi di alam Melayu.

### ***Sastera Moden Pascakolonial Pada Abad 18-19***

Kesusasteraan pascakolonial merangkumi semua genre yang lahir selepas kedatangan kolonial, termasuklah dalam sastera tradisional yang muncul lebih awal sebelum kedatangan sastera moden. Pada peringkat awal, kesusasteraan dikonsepsikan secara longgar, termasuk karya sejarah dan biografi. Ismail Hussein (1974:12) menyatakan;

*“Literature in the Malay or Nusantara concept includes everything that uses words or language in a creative way, creative in a very broad sense. There is no boundary between mythical fiction and a historical description for example, and there is sometimes no boundary between an enumeration of the adat law with a love poem. Some of the most serious theosophical expositions have been put into beautiful poetry, in the syair form, because poetry is much more easily retained by memory and much more pleasant to hear.”*

Cakupan sastera pascakolonial Melayu tidak terbatas oleh sempadan geopolitik atau kedaulatan kerajaan. Sejak abad ke-13 hingga abad 19 persempadanan geopolitik begitu longgar, dan Alam Melayu dilihat sebagai satu wilayah walaupun setiap negeri mempunyai raja masing-masing. Oleh sebab itu, hasil sasteranya juga dikongsi bersama dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Siti Hawa Haji Salleh, 2009:129). Misalnya, pengarang di Tanah Melayu atau di negeri-negeri di kepulauan Melayu dianggap sebagai pengarang Melayu sahaja, bukannya milik kerajaan tertentu semata-mata. Ini merupakan budaya masyarakat tradisional yang masih belum terpisah sepenuhnya daripada semangat komunalisme dan keserantauan. Oleh sebab itu, *HPN* boleh dikelompokkan dalam sastera pascakolonial Melayu sahaja tanpa terikat dengan kerangka geopolitik.

Sejak abad ke-18 lagi, karya persuratan bernuansa pascakolonial bercorak naratif, sama ada dalam bentuk syair mahupun memoir dan autobiografi, sudah wujud. Hubungan antara pengarang individu dengan Barat telah menghasilkan teks yang mengutamakan aliran realisme dan bersifat individualisme. Manifestasi individualisme dalam karya mereka diiringi sikap yang menyebelahi nilai Barat, terutama pengarang yang benar-benar hampir dengan majikannya. Menurut A. Wahab Ali (1984:160), hubungan antara penjajah Belanda dan Inggeris dengan peribumi tidak harmoni, tetapi pada peringkat individu hubungannya lebih mesra, sehingga mewujudkan aksi peniruan dari segi penulisan.

Antara karya pascakolonial bercorak naratif yang ialah *Hikayat Nakhoda Muda* pada tahun 1786, karya Lauddin, anak Ki Demang. Kisahnya memuatkan peristiwa yang berlaku semasa kompeni Belanda menduduki Semangka pada tahun 1756-1766. Karya biografi ini memperlihatkan betapa pengaruh Barat telah meresap dalam jagat persuratan Melayu sebagai bentuk reaksi positif. Sebagaimana yang ditanggapi oleh A. Wahab Ali (1984:162), karya ini merupakan titik permulaan pengaruh Barat dalam perkembangan sastera Melayu moden.

Selain itu, *Hikayat Pocut Muhammad* mengisahkan perang saudara sewaktu era pemerintahan dinasti Syarif (Hasjmi, 1987:270-1). *Hikayat Pocut Muhammad* yang ditulis oleh Tengku Lam Rukam pada abad ke-18 adalah tentang Pocut Muhammad, anak bongsu Sultan Alaudin, atau Ahmadsyah yang dikenali dengan nama Maharaja Lela (Nia Liska Saputri, Yulia Sofiani, Irfan Hadi, Sigit Widiyanto, Nana Suyana, 2023).

Sementara itu, *Hikayat Prang Gompeuni* yang tergolong sebagai hikayat peristiwa (A. Hasjmi, 1987:270), tercipta pada akhir abad ke-18, mengisahkan peperangan antara kerajaan Aceh dengan Belanda. Menurut Snouck Hurgronje (dlm. *The Achenese*), cerita ini dikarang oleh Dokarim<sup>2</sup>.

*Syaer Perang Mengkasar* pula ditulis oleh Enchik Amin, jurutulis Sultan Hasanuddin, Raja Gowa sekitar tahun 1669-1727, mengisahkan perang antara kerajaan Gowa di Makassar dengan Belanda. Werndly menamakannya sebagai *Pantun Speelman* (Ahyar Anwar, 2009; Ding Choo Ming, 2003:83–84; Henri Chambert-Loir, 2021.)

*Hikayat Perintah Negeri Benggala*, karangan Ahmad Rijaluddin Ibn Hakim Long Fakir Kandu yang ditulis pada bulan September-Oktober 1811. Ahmad Rijaluddin lahir di Kedah sekitar tahun 1770 dan besar kemungkinan meninggal dunia dalam tahun 1811 ketika berlakunya wabak taun di Pulau Pinang. Berketurunan India Muslim dan telah bermastautin di George Town, beliau bekerja dengan pegawai-pegawai kompeni Inggeris di Pulau Pinang dalam urusan surat-menyurat dengan orang Melayu di samping menjadi guru Bahasa Melayu kepada mereka (Skinner, 1976; Parnickel, 1995:113; Muhammad Haji Salleh, 2008:255). Skinner (1982:6) menggolongkan Ahmad Rijaluddin sebagai penulis peralihan (*transitional writer*).

Seterusnya, *Hikayat Mareskalak* yang ditulis oleh Abdullah bin Muhammad Abu Bakar pada abad ke-19 mengisahkan H.W. Daendals, tokoh sejarah yang dihantar oleh Napoleon ke Hindia Belanda. *Hikayat Malim Dagang (Hikayat Maleem Dagang)* pula tergolong dalam genre hikayat safari (A. Hasjmi, 1987:271), merupakan karya sastera tertua warisan zaman keemasan tradisi sastera Aceh. Hikayat ini diciptakan oleh Teuku Chik Pante Geulima, yang selesai pada 8 Jamadil Awal 1309 H (1889 M) (Afdhal Zikri, 2022).

Tuan Simi ialah penulis gelap yang mungkin menggunakan nama samaran bagi memudahkan dia mengkritik Kompeni Inggeris ketika itu di Singapura melalui karyanya *Syair Dagang Berjual Beli*, *Syair Potong Gaji*, dan mungkin *Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura*. Ketiga-tiga syair ini menggambarkan suasana perdagangan di pelabuhan Singapura dalam zaman pentadbiran Kompeni Inggeris. (Muhammad Haji Salleh, 2008:257). Abdullah Munshi juga telah menerapkan corak penulisan Barat dalam memoirnya *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1843), iaitu dengan menggunakan corak realisme sebagai asas pengisahan.

Di tengah-tengah persuratan moden pada abad ke-19 lahirlah karya beraliran realisme, iaitu *Hikayat Panglima Nikosa* atau *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan* karya Ahmad Syawal bin Abdul Hamid. *HPN* tercetak dalam bentuk cap batu di Kuching, Sarawak, bertarikh 3 Jun 1876. Karya yang diterbitkan pada era Charles Brooke (1868–1917) dan mengandungi 29 halaman itu tidak menepati konsep novel dari segi kepanjangan. E.M. Foster (1979: 3) berpendapat, sebuah novel mesti mempunyai sekurang-kurangnya 50,000 perkataan (Foster, 1979: 3). Stanton (1965: 37) memberikan jumlah perkataan maksimum bagi cerpen 15,000 atau 50 halaman dan minimum bagi novel, 30,000 perkataan atau 100 halaman. Jumlah perkataan antara kedua-dua genre itu diberikan pada genre novelet. Oleh itu, *HPN* boleh digolongkan sebagai

---

<sup>2</sup> Dalam catatan A. Hasjmi (1987) menyatakan nama sebenarnya ialah Abdul Karim dari Glumpang Dua di VI Mukim dalam daerah XXV (Ras, 1964: xv)].

cerpen panjang atau novelet atas alasan kepanjangannya kerana hanya mengandungi 29 halaman, cap batu, bertulisan jawi sahaja.

### ***Lingkungan Zaman Kelahiran Hikayat Panglima Nikosa (HPN)***

Pertembungan Malaysia dengan kuasa Barat dapat dilihat sejak abad ke-16 apabila Portugis memulakan penjajahannya ke Asia Tenggara demi tiga matlamat serangkai: kekayaan, kemegahan, dan agama, (*gold, glory, gospel*). Portugis berhasrat menakluk negeri Islam di mana-mana sahaja di samping mencari kekayaan yang terdapat di Timur. Kemegahan yang dinyalakan oleh kejayaan menewaskan orang Islam di Eropah juga mendorong mereka untuk melakukan ekspedisi lanjutan. Bagaimanapun, niat untuk agama semakin luntur, dan mereka hanya dirangsang kuat oleh faktor ekonomi, iaitu untuk memonopoli perdagangan rempah di Timur (Joginder Singh, 1970:25-26). Portugis tidak dapat mempertahankan kekuatan tenteranya apabila perebutan wilayah antara kuasa maritim Eropah semakin sengit dalam abad ke-17 sehingga akhirnya mereka terpaksa beralah kepada Belanda (Joginder Singh, 1970:53).

Belanda yang berjaya menakluki Melaka pada tahun 1641 juga tidak dianggap sebagai suatu penaklukan yang sebenarnya. Belanda hanya menjadikan Melaka sebagai pusat kawalan terhadap kemasukan pedagang melalui Selat Melaka dan pusat pentadbiran untuk mengawal negeri-negeri Melayu agar tidak berdagang dengan pesaingnya. Disebabkan penaklukan Belanda bukan untuk kepentingan ekonomi atau sebagai koloni tetapi untuk mengelakkan kuasa lain daripada menjadikannya sebagai pangkalan di Timur, pengaruh peradaban mereka dalam masyarakat Tanah Melayu hampir tidak berlaku.

Selepas Belanda, British pula menunjukkan kuasanya di Tanah Melayu yang bermula pada 11 Ogos 1786 apabila Francis Light secara rasmi mengambil alih Pulau Pinang (Kho Kay Kim, 2001: 53). Kedudukan British di Tanah Melayu diabsahkan melalui Perjanjian London 1824 yang membahagikan Selat Melaka kepada dua penguasaan: pulau-pulau<sup>3</sup> dikuasai Belanda; Tanah Melayu dan Singapura dikuasai oleh Inggeris.

Sarawak dikuasai oleh seorang ahli perniagaan, James Brooke, sejak 24 September 1841. Brooke hanya ditabalkan menjadi Rajah Sarawak pada 1 Ogos 1842 sehingga 11 Jun 1868 (Irwin, 1986:98). Semasa penguasaan Inggeris di Borneo, James Brooke telah membawa seorang penulis dari Bangkahulu, iaitu Ahmad Syawal bin Abdul Hamid ke Sarawak. Ketika Ahmad Syawal menulis *HPN*, dia bekerja dengan Charles Brooke, pengganti James Brooke. Charles Brooke, anak saudara James Brooke, menjadi Rajah Sarawak sejak 3 Ogos 1868 sehingga kematiannya pada 17 Mei 1917. Ini bermakna, penulisan *HPN* pada tahun 1876 berlaku pada era Charles Brooke menjadi Rajah Sarawak.

Hubungan peribadi Ahmad Syawal dengan penaung Inggerisnya perlu difahami untuk mencari makna tersirat dalam penulisan *HPN*. James Brooke mahupun Charles Brooke merupakan Rajah Sarawak yang disenangi oleh peribumi. Isteri Charles Brooke, iaitu Margaret Brooke (9 Oktober 1849-1 Disember 1936) telah menulis memoirnya, *My Life in Sarawak* yang terbit kali pertama pada 1913<sup>4</sup>. Kewibawaan Ahmad Syawal tercatat dalam buku tersebut menurut pemerhatian Margaret Brooke serentak dengan pemaparan peribadi Margaret sendiri semasa melayani masyarakat peribumi. Menurut Margaret, selepas kelahiran

---

<sup>3</sup> Penulis merujuk kepada pulau Sumatera dan Jawa serta sekitarnya.

<sup>4</sup> Bagi rujukan ini penyelidik menggunakan terbitan Oxford University Press, 1986 dan edisi cetakan ke-10, 2001.

anaknyanya, Bertram, dia banyak tinggal di rumah, tidak lagi sering mengikut suaminya ke mana-mana. Di Kuching dia belajar tentang adat resam, kepercayaan, dan aspirasi masyarakat tempatan sehingga menimbulkan rasa kasihnya terhadap mereka. Pada ketika itu dia merasakan betapa ruginya kaum perempuan peribumi tidak tahu membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Ketika itu, tradisi bercerita secara lisan popular dalam kalangan masyarakat sebagai satu-satunya jalan hiburan lantaran buta huruf kaum perempuan terutamanya. Seseorang pencerita akan diundang untuk menyampaikan cerita rakyat secara lisan tentang kisah legenda dan cerita romantik di hadapan khalayaknya.

Menyedari hal ini menjadi kesukaan kaum perempuan, Margaret turut mengundang pencerita ke Astana dan mengajak kawan-kawannya untuk turut sama mendengar cerita tersebut. Katanya:

*“Clad in our best silks and satins, and stiff with gold brocade, we sat together in my private room with the reciter, poorly dressed in dark cotton clothes, pouring out wonderful stories of kings, queens and princess; of royal gardens, monkey-gods, peacocks, flowers, perfumes, and such-like things.”*

Margaret Brooke, 2001: 158).

Margaret menceritakan pengalamannya itu dengan agak terperinci, sehinggakan nada suara pencerita turun naik pun digambarkannya. Ini menunjukkan minatnya yang mendalam terhadap kebiasaan masyarakat peribumi dalam tradisi mendengar cerita. Ini barangkali menjadi faktor kepada tumbuhnya hasrat Ahmad Shawal menulis cerita sendiri sebagai bacaan masyarakatnya.

Pada suatu ketika, selepas acara bercerita itu selesai, Margaret berbual dengan kawan-kawannya, termasuk Datu Isa di dalam biliknya. Dia lalu mencadangkan agar kaum perempuan belajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Malahan Margaret juga ingin belajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Namun demikian, Datu Isa tidak menyetujuinya kerana kaum perempuan tidak wajar belajar menulis. Menurut Datu Isa,

*“Writing amongst women is a bad habit, a pernicious custom. Malay girls would be writing love letters to clandestine lover; and undesirable men might come into contact with the daughters of our house. I do not agree, Rajah Rane, with the idea, and I hope it will never come to pass.”*

(Margaret Brooke, 2001:159)

Margaret menjadi buntu kerana Datu Isa merupakan orang berkuasa dalam kehidupan sosial mereka di Kuching. Namun begitu, dia tidak putus asa dan kecewa, malahan tetap mahu agar keseronokan (menjadi pandai) itu dirasai juga oleh kawan-kawannya.

Beberapa bulan telah berlalu sebelum dia dapat merealisasikan cadangan tersebut. Dalam tempoh itu, dia mula belajar secara sendiri dan memanggil Ahmad Shawal (Inchi Sawal), seorang tokoh yang masyhur dalam lingkungan masyarakat Kuching ketika itu. Ahmad Shawal dikenali sebagai “guru”, kerana pandai berbahasa Arab, mahir dalam bahasa Melayu, dan telah mengajar ramai pegawai Inggeris tentang bahasa Melayu. Sebelum itu pun Ahmad Shawal bekerja sebagai penulis untuk James Brooke.

Bahasa Melayu bagi Margaret adalah mudah untuk diucapkan tanpa mengikut nahu, dan dapat difahami tanpa mempedulikan aspek adjektif, kata kerja, kata sendi, dan sebagainya. Namun begitu, mendengar orang Inggeris di Kuching bercakap dalam bahasa Melayu adalah sangat menyedihkan. Ini berlainan halnya dengan Charles Brooke yang baginya sangat pandai bercakap dalam bahasa Melayu dan baginya “...it is a real pleasure to hear his Malay speeches to his people.” (Margaret Brooke, 2001:160)

Ahmad Shawal, menurut Margaret, sangat tegas dalam soal tatabahasa. Dia sangat mengagumi Ahmad Shawal lalu diperkenalkannya pakar bahasa itu secara panjang lebar. Ahmad Shawal yang datang dari Sumatera itu digambarkannya secara deskriptif: Wajahnya lebih bulat, raut mukanya sedikit lebih kasar dan kulitnya lebih gelap berbanding orang Melayu lain; rambutnya keriting, dan keseluruhan penampilannya memperlihatkan sikap yang ceria, mesra, dan penyayang (Margaret Brooke, 2001: 160).

Menurutnya, Ahmad Shawal seorang Muslim<sup>5</sup> yang sangat mesra dengan pemimpin-pemimpin masyarakat, dan mereka menyifatkannya sebagai seorang lelaki budiman dan beradab tinggi. Malahan Ahmad Shawal dianggap mempunyai kepakaran dalam bidang kesusasteraan selain bertugas sebagai penyembelih haiwan, dan pandai membuat jeruk limau.

Disebabkan Margaret amat menyukai jeruk limau tersebut, Ahmad Shawal sanggup datang ke Astana untuk mengajarnya membuat jeruk. Ahmad Shawal dikatakan membaca ayat suci atau berdoa ketika menyediakan masakannya bagi mendapatkan keberkatan. Malahan pakaian Ahmad Shawal juga diceritakannya: Ahmad Shawal akan berpakaian mengikut kesesuaian, sama ada ketika memasak, ketika menyembelih kerbau, dan ketika mengajar.

Pada suatu hari, Ahmad Shawal memberitahu Margaret bahawa dia sudah mendapat keizinan daripada Datu Imam untuk memulakan kelas bahasa Melayu, dan lebih menarik, dia akan memulakannya dengan membaca al-Quran. Bagi menjelaskan suasana itu, Margaret malahan menulis terjemahan surah al-Fatihah di dalam bukunya sebagai bukti ketelitian Ahmad Shawal dalam pengajian. Sejak itu, Datu Isa pun sudah mahu menghantar anak perempuan dan menantu perempuannya<sup>6</sup> untuk turut sama belajar. Dayang Sahada lebih cepat pandai menulis sehingga mengatasi Ahmad Shawal; boleh menulis sejarah Sarawak sejak zaman James Brooke dalam bentuk puisi<sup>7</sup> dan banyak membantu orang lain semasa belajar.

Dayang Sahada dan suaminya Abang Kasim kemudian membantu Margaret menubuhkan sekolah untuk perempuan dan kanak-kanak lelaki di rumah mereka. Disebabkan pertambahan pelajar begitu cepat dan tidak lagi dapat ditampung oleh rumah mereka, Charles Brooke lalu mendirikan sekolah khas di Kuching untuk pembelajaran bahasa Melayu dengan nama Sekolah Abang Kasim. Ahmad Shawal dilantik sebagai guru<sup>8</sup>.

Seterusnya keprihatinan Margaret Brooke terhadap Ahmad Shawal tergambar jelas melalui penceritaannya tentang peristiwa kematian Ahmad Shawal. Digambarkannya tatacara

---

<sup>5</sup> Dalam sumber Margaret Brooke (2001) istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kaum Muslim ialah Muhammadan.

<sup>6</sup> Penyelidik merujuk kepada Dayang Sahada sebagai menantu perempuan Datu Isa.

<sup>7</sup> Penyelidik beranggapan sebagai syair

<sup>8</sup> Istilah yang digunakan dalam Margaret Brooke (2001) ialah masters

pengurusan jenazah menurut Islam, keraian orang ramai terhadap jenazah, termasuk tentang cara pengebumian.

*‘...his grave had been dug by members of the Faith—that shallow grave about three feet deep, allotted to followers of the Faithful, from whence, at the resurrection, at the bidding of the Angel Azrail, together with other good Muhammadans, Inchi Sawal shall rise up and be folded in the bosom of Allah—the Merciful, the Compassionate.’*

(Margaret Brooke, 2001: 163-164)

Apakah relevannya kisah keakraban Margaret dengan Ahmad Shawal ini dalam mentafsirkan karyanya? Hal ini ada kaitannya dengan pengaruh penaung atau penjajah terhadap yang dinaungi sebagaimana konsep *epistemic* yang dirumuskan oleh Todorov (1999) dalam bukunya *The Conquest of America* (1999). Todorov yang mengkaji corak penjajahan Sepanyol di Amerika Latin mendapati ada tiga jenis penerimaan oleh peribumi terhadap nilai yang dibawa oleh penjajah, iaitu *axiological* (penilaian), *praxeological* (jalin hubungan, merapat atau menjauh), dan *epistemic* (tahap pengetahuan).

Pada tahap *epistemic*, pihak *ego* atau penguasa yang terdiri daripada orang Inggeris, tidak memandang peribumi (*the Other*) secara dikotomi tetapi sentiasa mempertingkatkan pengetahuan secara beransur-ansur. Tahap ini berupa peringkat pengetahuan tentang *the Other*.

Dalam konteks ini, Margaret, isteri kepada Charles Brooke telah mencari seberapa banyak maklumat tentang peribumi. Dia mempelajari adat resam orang Melayu, bahasa Melayu, bahkan membaca al-Quran demi merapatkan dirinya dengan peribumi yang berada di bawah naungannya. Dia menjadi penyebar ilmu pada tahap epistemologi dan mengekalkan diri sebagai orang yang cinta akan ilmu pengetahuan serta memiliki “*the desire to know*” (Todorov, 1999:218) dan kekal sebagai seorang Kristian.

Hubungan itu mewujudkan keserasian, keharmonian, dan begitu juga sebaliknya juga, Ahmad Shawal selaku peribumi atau *the Other* telah menerima orang Inggeris dengan baik. Ahmad Shawal kekal dengan budaya dan aturan hidup Islamnya, tetapi dalam masa yang sama menerima anjuran majikan Inggerisnya supaya menyebarkan ilmu bahasa kepada kaum perempuan. Biarpun dalam adat orang Melayu ketika itu wanita yang mempelajari bahasa akan menimbulkan implikasi buruk, Ahmad Shawal bersetuju untuk melanggar adat dengan mewujudkan kelas pengajian bahasa untuk perempuan dan kanak-kanak lelaki.

Hubungan antara *penjajah* dengan *peribumi*, atau antara Timur-Barat berlangsung dalam suasana saling memberi dan menerima. Hal ini berlaku kerana tiada unsur penindasan oleh pihak Barat terhadap Timur, sebaliknya antara mereka bersahabat baik. Penentangan peribumi tidak berlaku, manakala Inggeris pula sangat prihatin terhadap kebajikan peribumi. Sama ada James Brooke mahupun Charles Brooke, kedua-duanya tidak mengendahkan saranan kerajaan Inggeris untuk memanipulasikan rakyat Sarawak.

Frank Swetenham dalam prakata buku *My Life in Sarawak* (1913) menyisipkan prinsip pemerintahan Brooke ketika eranya: “*to live with the people, to make their happiness the first consideration, and to refuse wealth at their expense.*” Bagi James Brooke, perbuatan mengkhianati orang Melayu samalah dengan mengambil kesempatan terhadap orang buta yang sudah menyerahkan kepercayaan kepada dirinya untuk dipimpin. James Brooke tidak

mungkin berkhianat sedemikian rupa. Bagi James Brooke sebagaimana diparafrasakan oleh Swetenham,

*“I am only dealing with the mission of the white man when, for any reason whatever, he undertakes to administer the affairs of a people who possess a possibly rich territory, but are unskilled in the art of administration.”*

(Margaret Brooke, 2001:X)

Oleh hal yang demikian, untuk mentafsir *HPN* dari sudut bacaan pascakolonial, perlulah diperhatikan perspektif Ahmad Syawal terhadap Inggeris, dan aspek yang disentuhnya dalam teks tersebut. Ahmad Syawal telah menempuh pengalaman yang sama dengan pengarang realisme terdahulu dari segi pertembungannya dengan individu Barat yang menaunginya sebagaimana Lauddin, Ahmad Roijaludin, dan Abdullah Munshi. Sebagai sebuah karya yang menerima kesan daripada pengaruh Barat, *HPN* secara tidak langsung telah mewacanakan Barat secara berkias, dan menjadikannya sebagai teks pascakolonial.

### **HPN Sebagai Karya Pascakolonial**

Ahmad Shawal yang berketurunan Minangkabau berasal dari Bangkahulu<sup>9</sup> yang pernah dijajah oleh Inggeris. Dia dibawa ke Sarawak oleh James Brooke untuk bertugas sebagai jurutulis. Hubungan peribadi dan rasmi dengan kolonial pastinya membuka dimensi baharu pada corak persuratan yang difahami oleh Ahmad Syawal, lalu terhasillah sebuah teks yang sudah sebati bentuknya dalam persuratan Barat. Begitupun, pengarang *Hikayat Panglima Nikosa* ini tidak mewujudkan watak atau imej Barat dalam karyanya sebaliknya hanya mewujudkan watak tempatan yang bernama Nikosa, Pilina, dan Jalila.

Walaupun tidak memaparkan imej Barat secara jelas, karya ini mengandungi unsur Barat secara perlambangan. Petanda kesedarannya tentang demarkasi antara dunia Timur dengan Barat dapat dipetik daripada penggunaan nama “*negeri di sebelah timur*” yang dengan sendirinya mengakui kewujudan arah angin yang bertentangan, iaitu dunia sebelah Barat. Dengan dunia sebelah Timur Pembahagian secara demarkasi ini wujud dalam mentaliti orientalis sejak berabad-abad, yang diperkuat oleh pernyataan *Inter Caetera Divinae* oleh Paus Alexander VI pada tahun 1493 bahawa bumi belahan Timur merupakan hak Portugal, manakala bumi belahan Barat ialah hak Sepanyol (Joesoef Sou’yb, 1985:62).

Di sini timbul persoalan: Bagaimanakah Ahmad Syawal menemukan konsep “Timur” jika tidak dipertentangkan dengan “Barat”? jika ada Timur maka adalah Barat? Dapat diandaikan bahawa pengarangnya mempunyai kesedaran tentang pembahagian dunia serta memahami konsep dunia belahan Barat semasa menulis karya ini hasil daripada persahabatannya dengan pegawai kolonial Inggeris. Dengan kesedaran itu, di samping pengalaman peribadinya yang bergaul dengan orang Barat, *Hikayat Panglima Nikosa* merupakan sintesis kepada pertembungan antara tesis dengan antitesis<sup>10</sup>. Ada kemungkinan pengarangnya mahu menunjukkan kebaikan Barat dalam mentamadunkan orang Timur melalui kaedah pengurusan negeri yang disalurkan melalui watak Panglima Nikosa.

Ahmad Shawal mempunyai prinsip tersendiri dalam menanggapi Barat, yakni tanpa permusuhan, tetapi masih menyedari keberadaan dirinya sebagai orang Timur yang tidak akan menjadi orang Barat. Oleh itu, dalam *HPN*, Panglima Nikosa telah menggunakan kaedah pembangunan cara Inggeris dalam usaha memajukan bangsa tanpa dia mengikut cara hidup kebaratan. Dengan tahap *epistemic*, Panglima Nikosa mengaplikasikan cara yang sistematik semasa membuat perancangan untuk Pilina.

Pilina sebagai watak yang terpinggir, boleh dilambangkan sebagai bangsanya sendiri yang perlu dipulihkan. Pemulihannya adalah dengan mengambil ilmu Barat yang dilambangkan melalui penggunaan angka untuk membuat perancangan. Misalnya, Nikosa disuruh membuat pengiraan dalam usahanya untuk memulihkan kemiskinan dengan kiraan 12 tahun, dan termasuklah kaedah berbelanja sebanyak 1.60 sen sebulan. Kiraan keluasan tanah untuk diusahakan juga dibuat secara logik bagi memastikan tanahnya subur dan sentiasa dapat diusahakan untuk penanaman *mulong* dan padi. Disuruhnya Pilina mencari tanah seluas 100 depa persegi tetapi hanya mengusahakan 50 depa untuk satu musim sebelum kemudian digilirkan 50 depa lagi bagi mengekalkan kesuburan tanah.

Dari segi logik, Ahmad Shawal yang telah melihat cara majikan Inggerisnya membangunkan Sarawak, telah meminjam ilmu pentadbiran mereka. Pengiraan dengan angka

---

<sup>9</sup> Penyelidik merujuk kepada Bangkahulu Sumatera.

<sup>10</sup> Penyelidik merujuk tesis mewakili peribumi Timur dengan antitesis mewakili Barat

itu sangat sistematik, selari dengan kaedah yang sudah maju digunakan oleh Barat. Jika berdasarkan kaedah tradisional, angka dan bilangan bukanlah suatu kelaziman kerana orang Melayu banyak bergantung pada firasat dan bacaan alam. Itulah yang dikesan pada simpulan bahasa Melayu, “*sepenanak nasi*”, “*matahari sepenggalah*”, dan sebagainya.

Dari sudut bacaan pascakolonial, perspektif Ahmad Shawal terhadap Barat bukanlah bersifat antikolonial tetapi dalam masa yang sama dia masih membawa idea nasionalisme. Nasionalisme bawaan Ahmad Shawal melalui watak Panglima Nikosa bukanlah untuk membebaskan diri daripada kuasa asing tetapi hidup dengan meminjam ilmu dan sekali gus melakukan peniruan atau *mimikri*. Daripada perspektif pascakolonialisme *mimikri* merupakan gejala psikologi sama ada pada pihak penjajah mahupun peribumi.

Apakah maksud *mimikri*? Berlandaskan Teori Psikoanalisis Jacques Lacan tentang konsep imej cermin, Homi Bhabha (1994: 45) berpendapat bahawa Penjajah dan Yang Terjajah tertakluk dalam hubungan dialektik. Oleh itu, pertentangan binari yang bersifat dikotomis<sup>11</sup> telah diruntuhkan. Ekoran daripada itu muncul satu identiti kacukan yang baharu, hasil daripada rasa *ambivalence* atau berbelah bahagi antara “*ketakutan*” dengan “*keinginan*”<sup>12</sup>. Istilah *ambivalence* diambil daripada Teori Psikoanalisis Freud (Childs dan Williams, 1997: 124) yang mengatakan bahawa sikap ini wujud apabila dua naluri yang bertentangan membentuk suatu ketetapan.

Berdasarkan kajian klinikal, Freud mendapati bahawa rasa cinta, seks atau kehidupan (*eros*) beriringan dengan rasa benci atau kematian (*thanatos*). Dengan mengambil dualiti ini, Homi Bhabha menyatakan bahawa objek wacana kolonial ditandai oleh *ambivalence*, antara memperolok (*mockery*) dengan meniru (*mimicry*), antara diperolok (*derided*) dengan dihajati (*desired*). Hal ini demikian dikatakan kerana, kolonial mempunyai fantasi untuk berada di dua tempat dalam satu masa, iaitu menjadi penjajah atau dijajah. Oleh sebab itu, *ambivalence* melibatkan proses *penyerupaan* dan *penafian*.

Daripada rasa *ambivalence* itu pula lahirlah *mimikri*, iaitu usaha peniruan yang menghasilkan identiti yang seakan-akan sama dengan yang ditiru tetapi hakikatnya tetap berbeza<sup>13</sup>. Menurut Bhabha (Childs dan Williams, 1997: 130): “*It relies on resemblance, on the colonized becoming like the colonizer but always remaining different.*” Maksudnya, peribumi mahu menjadi Barat sebagai penjajah tetapi tetap kekal sebagai identiti sendiri dengan nilai tersendiri.

Hal ini boleh sahaja berlaku apabila pengarang tidak mahu memperlihatkan semangat nasionalisme yang bersifat antikolonial tetapi mahu bangsanya maju sebagaimana kolonial. Konsep nasionalisme ini mementingkan konsep bangsa atau *nation* (nasion), dan makna nasion di sini tidak bersifat *political* tetapi sosial. Nasion boleh wujud tanpa negara tertentu atau ada kerajaan yang administratif. Sesebuah bangsa wujud apabila terdapat kesepaduan rakyat yang berlandaskan persamaan dalam pola bahasa, hubungan etnik, warisan budaya, atau sekadar kedekatan geografi (Leon P. Baradat, 1997: 47).

---

<sup>11</sup> Penyelidik merujuk kepada konsep hubungan tuan dengan hamba; penjajah dengan yang terjajah; Eropah dengan bukan -Eropah.

<sup>12</sup> Penyelidik merujuk kepada padanan istilah *fear* dan *desire*.

<sup>13</sup> “...almost the same, but not quite” frasa yang pertama digunakan oleh Homi Bhabha

## KESIMPULAN

HPN merupakan teks pascakolonial yang bersifat nasionalisme dan mengutamakan bangsa tetapi tidak bersifat anticolonial. Sikap dan prinsip kepengarangan Ahmad Shawal ini berkait erat dengan kedudukannya di sisi orang Inggeris yang menaunginya tanpa penindasan dan manipulasi. Pertembungan Timur-Barat berlaku secara harmonis, tidak mewujudkan dikotomi antara Timur dengan Barat. Oleh hal yang demikian, karya ini dapat diangkat sebagai karya intelektual yang besar pada zamannya dan menjadi ikon zaman pada era pemerintahan Inggeris di Sarawak.

## RUJUKAN

- A.Hasjmi. 1987. “*Hikayat Pocut Muhammad: Karya Sastra Melayu Aceh yang Bernilai Tinggi, Sumbangannya kepada Pengembangan Kesusasteraan Melayu Indonesia*” dlm. *Sastra Melayu dan Tradisi Kosmopolitan: Kertas Kerja Hari Sastra '85*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 269–296.
- Afdhal Zikri. 2022. *Hikayat Malem Dagang: Karya sastra tertua Aceh ciptaan Putera Pidie Jaya*, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Kabupaten Pidie Jaya, <https://www.budayapijay.or.id/2022/10/hikayat-malem-dagang-karya-sastra.html>, akses pada 25 November 2025).
- Ahyar Anwar. 2009. “Syair Perang Mengkasar: Peran Kesusasteraan Melayu dalam Eksistensi Sejarah Kerajaan Gowa”. Dlm. Nurazmi Kuntum, Mawar Shafie, Ana Suhana Zainuddin (peny.). *Kesusasteraan Melayu dalam Rentas-Ilmu: Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu X*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 118–128.
- Awang Azman Awang Pawi. 2010. Transformasi Sosial dalam *Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks*. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1) (2010): 83-98. Akses pada 25 November 2025.
- Baradat, Leon P. 1997. *Political Ideologies: Their Origins and Impact*. Sixth edition. New Jersey: Prentice-Hall International, Inc.
- Chambert-Loir, Henri. 2021. “The author of the *Syair Perang Mengkasar*”, *Indonesia and the Malay world*, vol. 49, 2021. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/13639811.2021.1898152>
- Ding Choo Ming. 2003. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Foster, E.M. 1979. *Aspek-Aspek Novel*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. 2018. Kata Pengantar. Dlm. Syed Othman Syed Omar dan Hamzah Hamdani (ed). *Hikayat Panglima Nikosa dan Hikayat Kecurian 5 Million Ringgit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 3-16.
- Irwin, Graham. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Terjemahan oleh Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Hussein. 1974. *The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeremy Hawthorn. 1985. *Studying the Novel*. London: Edward Arnold, 1985.
- Joesoef Sou'yb. 1995. *Orientalisme dan Islam*. Cet. Ketiga. Jakarta: Bulan Bintang.
- Joginder-Singh Jessy. 1970. *Tawarikh Tanah Melayu 1400–1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 2001. *Malay Society: Transformation & Democratisation*. Cet. 3. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Muhammad Haji Salleh. 2008. *Permata di Rumput Gilang: Sastera Sebagai Ruang Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ras, J.J. 1964. “Kata Pengantar” dlm. *Hikayat Anggun Che' Tunggal*. Edisi baru, cetakan kedua. Kuala Lumpur: Oxford University Press. hlm. vii–xv.
- Reece, R.H.W. dan P.L, Thomas. 1983. Introduction, dlm. *Hikayat Panglima Nikosa: The Story of Panglima Nikosa*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak. hlm. 1-15.
- Stanton, Robert. 1965. *An Introduction to Fiction*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Todorov, Tzvetan. 1999. *The Conquest of America*. Terjemahan oleh Richard Howard. Norman: University of Oklahoma Press.
- Brooke, Margaret. 2001. *My Life in Sarawak*. Oxford: Oxford University Press.